

**PERANAN SUHAKAM DALAM  
PENYELESAIAN MASALAH TANAH ADAT  
: KAJIAN KES DI KG.BALUO  
DATONG,PITAS**

**SUZANAH MASALIN  
HA2006-6271**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**Latihan Ilmiah ini Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian  
daripada Syarat-Syarat Bagi Ijazah Sarjanamuda Sains Sosial  
Dengan Kepujian**

**PROGRAM SOSIOLOGI DAN  
ANTROPOLOGI SOSIAL SEKOLAH  
SAINS SOSIAL UNIVERSITI MALAYSIA  
SABAH MEI 2009**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **Pengesahan Penyelia Latihan Ilmiah**

Latihan Ilmiah bertajuk 'Peranan SUHAKAM dalam Penyelesaian Masalah Tanah Adat: Kajian Kes di Kg.Baluo Datong,Pitas, ini adalah hasil karya Suzanah Masalin bagi memenuhi syarat pengijazahan Sarjanamuda Sains Sosial dengan kepujian,Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh:

-----  
( Prof. Madya Dr. Fadzilah Majid Cooke)

Penyelia Latihan Ilmiah

Sekolah Sains Sosial

Tarikh:



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

4000017058



183243

PUMS99:1

## UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS@

JUDUL: PERANAN SUHTAKAM DLM PENYELESAIAN MASA LAH TANAHABDI KAJIAN KTB DI LG. BALUO DATONG, PITAS.IJAZAH: SERTAMA MUDA SAINS SOSIALSAYA SUZANAH MASALIM

(HURUF BESAR)

SESI PENGAJIAN: 2009

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

SULIT


(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh

  
(TANDATANGAN PENULIS)
  
(TANDATANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat Tetap:

PROF. MADYA DR. FAIZILAH

Nama Penyelia

Tarikh: 8/07/09Tarikh: 08/07/09

CATATAN: \*Potong yang tidak berkenaan.

\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertai bagi pengajian secara kerja kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda (LPSM).

PERPUSTAKAAN UMS



1400017058

DITERIMA

15 JUN 2009

Sekolah Sains Sosial Universiti  
Malaysia SabahUMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
 PERPUSTAKAAN  
 UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## **Pengesahan Penyelia Latihan Ilmiah**

Latihan Ilmiah bertajuk 'Peranan SUHAKAM dalam Penyelesaian Masalah Tanah Adat: Kajian Kes di Kg.Baluo Datong,Pitas, ini adalah hasil karya Suzanah Masalin bagi memenuhi syarat pengijazahan Sarjanamuda Sains Sosial dengan kepujian,Universiti Malaysia Sabah.

Disahkan oleh:

-----  
( Prof. Madya Dr. Fadzilah Majid Cooke)

Penyelia Latihan Ilmiah

Sekolah Sains Sosial

Tarikh:

**Perakuan Pelajar**

Saya mengaku bahawa Tesis Latihan Ilmiah ini adalah hasil kajian saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang setiap satunya telah saya nyatakan sumbernya.

Suzanah Masalin

HA2006-6271



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## Penghargaan

Segala pujian dan syukur kepada Tuhan yang Maha Esa kerana telah memberi saya kekuatan untuk menyiapkan kajian ini. Sungguh tanpa perlindungan daripada-Nya saya tidak akan sampai ke tahap ini.

Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Prof.Madya Dr. Fadzilah Majid Cooke selaku penyelia tesis ini. Terima kasih diatas kesabaran melihat karenah penulisan saya, dan komen yang membina sehingga ke noktah terakhir penulisan ini. Semoga Yang Maha Esa memberkati kehidupan Prof selalu. Saya juga merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah –pensyarah ANSOS selama ini yang telah mendidik saya, ilmu yang anda tabur sungguh bermakna dalam hidup saya.

Kepada keluarga tercinta Papa,Mame dan adik-adik, terima kasih tidak terhingga atas dorongan, sokongan dan kasih sayang yang diberikan selama ini sehingga saya masih lagi mempunyai kekuatan sampai ke saat ini. Saya menyayangi kamu semua. Ribuan terima kasih kepada kakitangan di SUHAKAM Sabah yang telah banyak membantu saya (Pn.Jonimah Lindoh, Pn.Daisy Masiram, En.Jueli ,En.Jasmih dan kepada Tan Sri Simon Sipaun). Tidak lupa juga kepada penduduk kampung dan Jawatankuasa BBMTA Kg.Baluo Datong yang telah banyak berkerjasama dan membantu memberi maklumat,hanya Tuhan sahaja yang mampu membalas jasa baik anda semua (Pn. Lyana dan keluarga, En.Bihahon, En. Julin, En. Ribbon) dan kepada Pst. Clement dan Pst. Jonius yang banyak membantu saya dalam doa Tuhan memberkati kamu. Akhir sekali, saya mengucapkan terima kasih kepada sahabat saya yang telah memberi dorongan dan sumbangan terhadap karya ini- Jefson, shiela, Ija dan juga kepada mereka yang tidak sempat disebut.

## **ISI KANDUNGAN**

<b>Senarai Isi Kandungan</b>	<b>Halaman</b>
Tajuk	i
Pengesahan dan Tandatangan Penyelia	ii
Perakuan Pelajar	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	vi
Senarai Foto	vii
Senarai Singkatan	viii
Abstrak ( Bahasa Melayu)	ix
Abstrak ( Bahasa Inggeris)	x
<b>Bab 1: Pengenalan</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Permasalahan Kajian	3
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Andaian	5
1.5 Skop Kajian	6
1.6 Metodologi Kajian	7
1.7 Kepentingan Kajian	12
1.8 Konsep	13
1.9 Sorotan Literatur	16



## Bab 2: Latar Belakang Kajian

2.1 Suruhanjaya Hak Asasi Manusia ( SUHAKAM)	24
2.2 Latar Belakang Organisasi SUHAKAM	27
2.3 SUHAKAM & Tanah Adat	28
2.4 Penglibatan SUHAKAM Di Kg.Baluo Datong	29
2.5 Latar Belakang Kes Tanah Adat	31
 2.6 Latar Belakang Kg.Baluo Datong	33
2.7 Kemudahan Asas di Kg.Baluo Datong	35
2.8 Latar Belakang Ekonomi Penduduk Kampung	36
2.9 Latar Belakang Badan Bertindak Menuntut Tanah Adat ( BBMTA)	39

## Bab 3: Dapatan Kajian

3.1 Pendahuluan	42
3.2 Proses Penyelesaian Masalah Tanah Adat	44
3.4 Strategi Penduduk Kampung/BBMTA	53

## Bab 4 : Peranan SUHAKAM & Strategi BBMTA

4.1 Pendahuluan	70
4.2 Pemerksaan & Penyertaan Komuniti	70
4.3 Demensi Masyarakat Sivil	78
4.4 Peranan SUHAKAM Sebagai 'Orang Tengah'	83
4.5 Mengapa SUHAKAM menggunakan gelaran 'Orang Tengah'?	85
4.6 Keterbatasan SUHAKAM	85



**Bab 5: Kesimpulan**

<b>5.1 Kesimpulan</b>	<b>90</b>
-----------------------	-----------

<b>Bibliografi</b>	<b>97</b>
--------------------	-----------

<b>Lampiran</b>	<b>103</b>
-----------------	------------



**SENARAI JADUAL**

3.3 Jadual Surat Tindakan SUHAKAM	45
3.4.1 Jadual Surat Permohonan Pengeluaran Tanah	53
3.4.2 Jadual Surat Permohonan Penyukatan & Pemasangan Papan Tanda	62
4.2.1 Jadual Perbandingan Surat BBMTA & SUHAKAM	72



**SENARAI FOTO**

2.7.1	Perigi	35
2.7.2	Tangki Air	36
2.7.3	Jalan Raya	36



## **SENARAI SINGKATAN**

<b>BBMTA</b>	Badan Bertindak Menuntut Tanah Adat
<b>BERJAYA</b>	Parti Bersatu Rakyat Jelata Sabah
<b>EN</b>	Encik
<b>FELDA</b>	Federel Land Development Authority
<b>HJ</b>	Haji
<b>JKKK</b>	Jawatankuasa Kemajuan Kampung
<b>JUST</b>	International Movement for a Just World
<b>KAN</b>	Ketua Anak Negeri
<b>KG</b>	Kampung
<b>KM</b>	Kilometer
<b>MTUC</b>	Malaysian Trade Union Congress
<b>NGO</b>	Non Government Organization
<b>PACOS trust</b>	Partners of Community Organisations
<b>PPHT</b>	Penolong Pemungut Hasil Tanah
<b>PKPIM</b>	Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia
<b>PBB</b>	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
<b>PN</b>	Puan
<b>P</b>	Parlimen
<b>N</b>	Negeri
<b>Ybhg.</b>	Yang Berbahagia
<b>YB</b>	Yang Berhormat
<b>RSP</b>	Registered Survey Paper
<b>SUHAKAM</b>	Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia



SAFODA	Sabah Forestry Development Authority
SUARAM	Suara Rakyat Malaysia



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**ABTRAK****PERANAN SUHAKAM DALAM PENYELESAIAN  
MASALAH TANAH ADAT: KAJIAN KES DI KG.BALUO  
DATONG,PITAS**

Tesis ini cuba mengenalpasti peranan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) dalam proses penyelesaian isu tanah adat di kampung Baluo Datong,Pitas. Kajian ini juga cuba menilai peranan SUHAKAM sebagai satu mekanisma dalam menyelesaikan masalah hak tanah adat. Kampung Baluo Datong dipilih sebagai lokasi kajian secara khusus kerana pernah mengalami masalah tanah adat yang dimasuki oleh *Sabah Forestry Development Authority ( SAFODA)*. Kajian ini mendapati bahawa penduduk kampung telah banyak mengalami halangan daripada pihak atasan. Namun, penduduk kampung yang diwakili oleh Badan Bertindak Menuntut Tanah Adat (BBMTA) pula telah memperlihatkan penglibatan yang aktif demi mendapatkan kawasan tanah adat yang diwartakan oleh SAFODA tanpa rundingan. Di akhir kajian ini didapati, SUHAKAM mempunyai peranan yang agak terbatas. Keterbatasannya untuk menyelesaikan masalah hak tanah adat di Sabah adalah dipengaruhi oleh beberapa penyebab.



**ABSTRACT****ROLE OF SUHAKAM IN SOLVING PROBLEMS REGARDING IN  
NATIVE CUSTOMARY LAND: A CASE STUDY OF KG.BALUO  
DATONG,PITAS**

*This thesis aims to outline the role of Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) in solving problems regarding native customary land in Kg.Baluo Datong,Pitas. This study also tries to evaluate the role of SUHAKAM as one mechanism in solving problems involving rights to customary land. Kampung Baluo Datong,Pitas was chosen as the research location mainly because it has experienced problems with native customary land involving Sabah Forestry Development Authority (SAFODA). This study has finds that the locals have experinced many challenges from the authorities. However the locals who are represented by Badan Bertindak Menuntut Tanah Adat (BBMTA) have been actively involved in regaining their customary land which have been claimed by SAFODA without consultation. This study found that role of SUHAKAM in handling the customary land issues is limited. This is because this agency is constrained by several factors which leads to its functional limitation in solving customary land problems in Sabah.*



# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pengenalan

Hak asasi manusia adalah merujuk kepada kebebasan asasi yang melibatkan kepentingan kehidupan manusia seperti perlindungan, kesihatan, hak untuk bersuara dan berhimpun. Darren J O'Byrne (2003:27) dalam bukunya *Human Rights An Introduction* mengistilahkan hak asasi manusia adalah universal yang dimiliki oleh setiap orang tidak menghiraukan keetnikan, bangsa, gender, sexuality, umur, agama dan jenis kerajaan. Di Malaysia, Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah ditubuhkan oleh parlimen di bawah Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999, Akta 597 (Undang-undang Malaysia, 1999: 5-6). Penglibatan Malaysia dalam isu hak asasi di peringkat antarabangsa telah mendorong negara untuk menubuhkan SUHAKAM sebagai satu badan yang mengetengahkan hak asasi manusia (Risalah SUHAKAM<sup>1</sup>, tiada tarikh). Isu hak asasi manusia di Malaysia tidak lagi menjadi perkara biasa yang hanya diperdebatkan oleh badan bukan Kerajaan (NGO), masyarakat dan kerajaan, malah kesedaran hak asasi ini telah berkembang sejak dari 1970-an (Weiss, 2003:141).

---

<sup>1</sup> Risalah tidak mempunyai tarikh dan tahun penerbitan, dirujuk melalui Fail SUHAKAM



Malaysia merupakan satu negara yang sedang membangun banyak menggunakan tanah bagi tujuan pembangunan. Penduduk kampung yang tinggal di pedalaman yang hidup bergantung kepada sumber tanah seringkali terlibat dalam proses pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan dan swasta. Isu perebutan tanah bagi tujuan pembangunan dan pembalakan telah menjadi masalah dominan yang sering diadu kepada SUHAKAM seperti di Kanowit, Sarawak (Daily Express 10/08/2006:6). Tanah juga merupakan isu dominan yang berlaku di Sabah khususnya bagi penduduk pedalaman yang masih mendiami tanah yang dikenali sebagai tanah adat atau *Native Customary Land*. Keadaan ini dapat dibuktikan apabila pada tahun 2007 SUHAKAM di Sabah telah menerima sebanyak 301 kes dimana jumlah yang tertinggi adalah berkenaan dengan isu tanah yang telah mencatat 96 kes. Walhal, kes-kes seperti hal-hal pekerja telah mencatat 12 kes (SUHAKAM, 2007:148).

Tanah telah menjadi sumber kepada penduduk kampung sebagai suatu aset penting dalam sosio-ekonomi mereka. Menurut Anderson *et al.*, (2006: 45), tanah tradisional adalah kawasan kaum yang tidak dapat dipisahkan daripada budaya, sumber rezeki dan identiti diri bagi masyarakat kampung. Mengikut prespektif ini, tanah merupakan aspek yang penting dalam kehidupan kerana bukan sahaja sebagai sumber ekonomi tetapi sebagai suatu aset yang menyeluruh dalam segenap kehidupan mereka. Tanah Adat (*Native Customary Land*) merupakan tanah yang didiami dan diusahakan oleh kebanyakan penduduk pedalaman masyarakat Sabah. Oleh itu, tanah ini adalah merupakan hak kepada penduduk kampung atau dikenali sebagai *Native Customary Rights Land* yang menjadi isu hangat yang berlaku akibat dari pelbagai faktor. Justeru,

SUHAKAM telah memainkan peranan dalam mengetengahkan isu hak tanah adat penduduk kampung.

## 1.2 Permasalahan Kajian

SUHAKAM merupakan satu badan berkanun yang telah diberikuasa oleh kerajaan bagi membantu melindungi dan memajukan hak asasi manusia di Malaysia (Undang-undang Malaysia, Akta 597,1999: 7). Salah satu peranan SUHAKAM adalah mengenai hak tanah adat. Namun, persoalan timbul berkenaan dengan kemampuan SUHAKAM untuk menangani masalah yang berlaku berkaitan dengan hak tanah adat di Sabah. Hal ini kerana sepanjang pengalaman penyelidik sebagai pekerja sukarelawan di pejabat SUHAKAM, didapati bahawa banyak kes yang berkaitan dengan hak asasi telah ditutup namun tidak kurang juga kes yang telah diselesaikan.

Masalah tanah adat adalah isu dominan yang berlaku di kalangan penduduk kampung disebabkan oleh pencerobohan ke atas tanah adat yang semakin meningkat. Hal ini dapat dibuktikan melalui beberapa pendedahan dalam surat khabar. Contohnya, *Daily Express* melaporkan bahawa penduduk kampung dari 100 buah kampung di Daerah Inanam, Sabah menyatakan tanah adat mereka diceroboh, walaupun bantahan telah dibuat kepada pihak kerajaan negeri (*Daily Express*,27.02.2008). Keadaan ini juga berlaku di beberapa tempat di Sabah misalnya Daerah Keningau, Pitas, Beluran dan sebagainya yang mempunyai masalah yang sama dalam isu tanah ini (*Daily Express*,28.03. 2008: 3, *Daily Express* 5.07.2006:3). Justeru, persoalan wujud dalam



kajian ini iaitu mengapa masalah tanah adat merupakan isu dominan yang berlaku di Sabah sedangkan negeri ini mempunyai Land Ordinance Sabah yang berfungsi untuk menetapkan pemilikan tanah kepada penduduk asal.

Dalam pada itu, pembangunan luar bandar di Sabah adalah tertumpu kepada penukaran penggunaan tanah adat penduduk kampung dari sistem sara diri kepada sistem komersil. Perladangan kelapa sawit adalah antara pembangunan yang dilakukan kerajaan sebagai satu strategi menghapuskan kemiskinan. Misalnya, pada tahun 2003, 30% kawasan tanah di Sabah adalah diliputi perladangan kelapa sawit berbanding dengan hanya 12% keluasan di Sarawak (Fadzilah Majid Cooke, 2006: 8). Perladangan kelapa sawit yang luas ini membabitkan kawasan tanah adat penduduk kampung dan telah menimbulkan pertelingkahan diantara orang kampung dan agenda negara yang dirancangkan. Dari sudut pandangan kerajaan, agenda pembangunan yang dilakukan banyak memberi faedah kepada penduduk kampung seperti peningkatan taraf hidup melalui peluang perkerjaan, memperluaskan kemudahan awam seperti elektrik, air dan jalan raya. Oleh itu, persoalan timbul dalam kajian ini iaitu setakatnya pembangunan luar bandar ini telah menjadi penyumbang masalah kepada tanah adat penduduk kampung khususnya di Kg. Baluo Datong, Pitas.



### **1.3 Objektif Kajian**

- (i) Menilai peranan SUHAKAM dalam penyelesaian tanah adat.
- (ii) Mengenalpasti proses penyelesaian yang dilakukan oleh SUHAKAM dalam masalah tanah adat.

### **1.4 Andaian**

Proses penyelesaian yang diutarakan oleh SUHAKAM dapat menangani pencerobohan tanah adat.



## **1.5 SKOP KAJIAN**

Lokasi utama kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik adalah di pejabat SUHAKAM cawangan Sabah. Sebagai suatu suruhanjaya yang ditubuhkan dibawah Akta parlimen SUHAKAM tidak boleh dianggap sebagai satu badan dalam masyarakat sivil. Organisasi ini merupakan pusat dalam menentukan aktiviti atau program yang dilakukan dalam menerima dan menyiasat aduan yang berkaitan dengan “pencabulan” hak asasi manusia.

Peranan yang dimainkan oleh SUHAKAM hanya tertumpu kepada menerima aduan, menyiasat dan berunding dengan pihak-pihak yang terlibat bagi mengendalikan isu berkenaan dengan hak asasi manusia khususnya masalah kemasukan Lembaga Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA) ke kawasan tanah Kg. Baluo Datong, Pitas. Walaupun SUHAKAM banyak terlibat mengendalikan pelbagai isu hak asasi manusia seperti isu kewarganegaraan, isu pekerjaan, rumahtangga dan sebagainya namun, penyelidik hanya menumpukan kepada peranan SUHAKAM dalam proses penyelesaian kes tanah adat.

Selain itu, lokasi kedua adalah dilakukan di Kg. Baluo Datong, Pitas. Penyelidik telah memilih kampung ini kerana Kg. Baluo Datong pernah mengalami masalah tanah adat. Malah, SUHAKAM sendiri telah mengetengahkan isu tanah adat ini kepada kerajaan bagi menyelesaiannya. Oleh itu, kajian ini hanya melihat bagaimana keputusan dapat dibuat dikalangan penduduk kampung mengenai pertelingkahan isu tanah yang berlaku di kampung mereka. Ini bermakna isu perkembangan atau

kemerosotan ekonomi penduduk kampung berkaitan dengan aktiviti SAFODA tidak menjadi tumpuan kajian.

## **1.6 Metodologi**

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kualitatif deskriptif. Dalam kaedah kualitatif, ia melihat hubungan atau pola diantara beberapa pembolehubah semasa pengumpulan data dilakukan (Neumen, 2006: 151). Manakala, kaedah deskriptif ialah gambaran kepada keadaan sosial atau masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Dalam kaedah kualitatif ini penyelidik telah mengumpulkan data melalui data primer dan data sekunder bagi memahami dan menganalisis fenomena kajian yang berlaku. Data primer dan data sekunder yang dikatakan ialah:

### **Data primer**

#### **(i) Dokumen / fail - fail SUHAKAM**

Dokumen dan fail-fail SUHAKAM telah menjadi data primer dalam kajian ini. Berasaskan dokumen-dokumen ini, penyelidik telah menganalisis dan memahami peranan SUHAKAM secara umum dan kes tanah adat secara khusus. Justeru, fail Kes tanah adat Kg. Baluo Datong yang pernah dikendalikan oleh SUHAKAM adalah penting sebagai satu kajian kes untuk penyelidikan ini.

Antara dokumen yang telah dilihat dan dianalisis adalah seperti berikut:

- (i) Surat aduan berkenaan tanah adat dari penduduk kampung kepada SUHAKAM.
- (ii) Surat-surat SUHAKAM kepada pihak yang terlibat seperti Pegawai Daerah Pitas, Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah Pitas (PPHT), SAFODA dan Jabatan Pertanian.



- (iii) Surat maklumbalas dari SAFODA, Penolong Pemungut Hasil Tanah Daerah Pitas (PPHT).
- (iv) Laporan SUHAKAM semasa turun ke lapangan di Kg. Baluo Datong, Pitas.
- (v) Laporan status aduan kes-kes tanah yang diajukan kepada SUHAKAM secara umum.
- (vi) Peta kawasan kampung yang didakwa telah diceroboh oleh SAFODA.
- (vii) Surat –surat Pengerusi Badan Bertindak Menuntut Tanah Adat (BBMTA) Kg. Baluo Datong kepada pihak-pihak yang berkewajipan.
- (viii) Gambar-gambar bukti kewujudan kampung yang dinyatakan penduduk kampung lebih awal menduduki kawasan tanah tersebut.

Secara keseluruhannya, penyelidik telah menggunakan 8 jenis dokumen yang berjumlah 69 dokumen dalam fail kes Kg.Baluo Datong (lihat jenis dokumen diatas). Berasaskan sumber dokumen ini, penyelidik sendiri telah menemubual pegawai SUHAKAM berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh pengadu (pengadu isu tanah adat) yang datang ke pejabat SUHAKAM (Lihat lampiran 4). Isu –isu yang timbul seperti masalah tanah adat yang tidak bergeran, isu kemasukan SAFODA telah dapat diketahui melalui dokumen yang telah difahami dan dianalisis. Di samping itu juga, penyelidik telah menemubual informan utama di Kg. Baluo Datong bagi melihat bagaimana penduduk kampung bertindak dalam membuat keputusan mengenai masalah tanah adat yang berlaku di kampung tersebut (Lihat lampiran 5).

## **(ii) Temubual**

Kaedah temubual yang dikatakan disini adalah subjek dan penyelidik hadir sama dalam proses memperoleh maklumat (Rohana Yusof, 2004:209). Temubual yang telah

dijalankan adalah melalui temubual bersemuka iaitu menggunakan soalan terbuka (*open ended questions*). Penyelidik telah berpeluang menemuramah dua orang Pegawai tinggi SUHAKAM iaitu Penolong Setiausaha 1 Cawangan Sabah dan Penolong Pesuruhjaya SUHAKAM Malaysia berkenaan dengan isu tanah di Sabah. Selain itu, soalan temubual ini juga mengkhusus kepada kes tanah di Kg.Baluo Datong.

Antara persoalan yang dikemukakan oleh penyelidik kepada responden utama (Pegawai SUHAKAM cawangan Sabah dan Penolong Pesuruhjaya SUHAKAM) adalah bagaimana pihak ini bertindak dalam menyelesaikan kes tanah adat, bagaimana mengenalpasti hak asasi mereka telah terjejas atau tidak dan siapa yang dihadapi oleh SUHAKAM semasa menyelesaikan isu tanah (Lihat lampiran 4). Tujuan utama temubual yang dilakukan ini adalah untuk mengenalpasti bagaimana SUHAKAM memainkan peranan dalam mengendalikan proses penyelesaian tanah adat berasaskan dokumen dan fail kes Kg. Baluo Datong secara lebih mendalam.

Dalam kaedah ini juga, penyelidik telah turun ke lapangan bagi mendapatkan maklumat mentah daripada penduduk kampung yang berpengetahuan tentang kes tanah adat yang berlaku sebelum ini. Responden utama yang dipilih adalah, 3 orang wakil dari Badan Bertindak Menuntut Tanah Adat (BBMTA) iaitu Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan Setiausaha. Antara persoalan yang diajukan kepada wakil penduduk ini adalah berkenaan strategi yang digunakan untuk mengeluarkan tanah dari kawasan SAFODA, prosedur yang dilalui semasa proses menyelesaikan kes dan tindakbalas daripada pihak atasan dan reaksi orang kampung berkenaan dengan kes tanah tersebut (Lihat lampiran 5). Temubual ini telah dibuat bersama dengan wakil penduduk kampung

supaya penyelidik dapat melihat tindakan yang jelas dan pola penyelesaian yang dilakukan oleh BBMTA secara khusus. Penyelidik juga telah menemubual Ketua Kampung dan JKKK secara tidak formal untuk mendapatkan latar belakang kampung seperti sejarah kewujudan kampung, jumlah penduduk dan kemudahan yang terdapat di kampung ini. Disamping itu, penyelidik telah berpeluang menemuduga 2 orang penduduk kampung mengenai pendapat mereka dalam masalah tanah yang dihadapi.

### **(iii) Pemerhatian**

Kaedah permerhatian turut serta juga telah digunakan dalam kajian ini. Teknik pemerhatian turut serta ini dilakukan di dua lokasi iaitu SUHAKAM dan Kg. Baluo Datong. Lokasi utama kajian ini adalah di SUHAKAM dan penyelidik telah berkerja secara sukarelawan di pejabat SUHAKAM cawangan Sabah, selama 4 minggu semasa cuti semester berlangsung. Kaedah pemerhatian turut serta ini dilakukan supaya penyelidik dapat melihat aktiviti yang berlaku di pejabat SUHAKAM dengan lebih teliti. Hal ini kerana, pejabat SUHAKAM adalah pusat untuk menyiasat aduan-aduan dan membuat tindakan mengenai isu yang berkaitan dengan hak asasi manusia termasuk kes tanah adat yang berlaku di Sabah. Melalui pemerhatian turut serta ini juga, penyelidik telah berpeluang melihat sendiri kaedah organisasi ini bertindak terhadap aduan-aduan yang dikemukakan sekaligus mendapatkan maklumat yang lebih terperinci. Di samping itu, penyelidik telah berpeluang membina *rappor* di kalangan kakitangan organisasi SUHAKAM dan telah memudahkan penyelidik mendapatkan maklumat yang dikehendaki.

## Bibliografi

### Buku

- Baehr, R. Peter.1999. *Human Rights universality in Practice*. New York: St.Martin's Press, INC.
- Chamhuri Siwar. 1996. *Rural Development*. Dlm. *Jomo K.S Ng. Siew Kiat (eds.). Malaysian's Economic Development Era Policy & Reform*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publication, pp.155-183.
- Darren, J O'Byrne. 2003. *Human Rights an introduction*. Harlow: Pearson Education.
- Ellen, Roy, Peter Parkes and Alan Bicker (ed.).2000. *Indigenous Environment Knowledge and its Transformation*. Amsterdam: Harwood Academic Publisher. Pp. 129-135.
- Hasan Mat Nor.2000. *Pembangunan dan Pemimpiran: Kes Orang Asli*. Dlm. *Abdul Rahman Embong (ed.) Negara Pasaran dan Pemodenan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Pp. 163.
- Holombe, Susan. 1995. *Managing to Empower The Grameen Bank's experience of poverty Alleviation*. London & New Jersey: University Press. Pp. 15-18.
- Hollick, Lorn. 1998. *Land Conflicts in Southeast Asia Indigenous Peoples, Environment and International Law*. Cambrige: Polity Press.
- Ibrahim Komoo & Joy J.Pereira. 2000. *Land Development and Impact on The Environment Dlm. Land Issues in Malaysia Based on CAP' National Conference Land: Emerging Issues and Challenges*. Penang: Consumers' Association of Penang. Pp. 56
- Ismail Noor and Elina Noor (ed.). 2004. *Empowerment the Role of Citizen*. Kuala Lumpur: Altruistic Leadership Centre/ Alcentre, Thinkers Library.
- Kabeer, Naila. 1999. *Reversed Realities Gender Hierarchies in Development Thought*. London : Verso. Pp. 231-235.



Lea, A.M David, Chaudhri D.P (ed.). 1983. *Rural Development and the state*. London and New York: Methuen. Pp.7-31.

Leftwich, Adrian (ed.).1996. Democracy and Development Theory and Practice. Cambrige: Polity Press. Pp. 284-285.

Lim Heng Seng. 2000. *The Land Rights of Orang Asli*. Dlm. *Land Issues in Malaysia Based on CAP' National Conference Land: Emerging Issues and Challenges*. Penang: Consumers' Association of Penang.

Majid Cooke, Fadzilah. 2007. *Demography, Local Communities and Changing Land Use in Sabah*. Unpublished Manuscript. P.53

Majid Cooke, Fadzilah. 2006. *Expanding state spaces using 'idle' native customary land in Sarawak*. Dlm. Majid Cooke, Fadzilah, *State, Communities and Forests in Contemporary Borneo*. Canberra,Australian National University, Asia Pacific Environment Monograf 1 pp. 25-26.

Majid Cooke, Fadzilah. 2006. *Recent Development and Conservation Interventions in Borneo*. Dlm. Majid Cooke, Fadzilah, *State, Communities and Forests in Contemporary Borneo*. Canberra, Australian National University, Asia Pacific Environment Monograf 1 pp. 3-4.

Majid Cooke, Fadzilah. 2003. Maps and Counter-Maps Globalised Imaginings and Local Realities of Sarawak's Plantation Agriculture. *Journal of Southeast Asian Studies*. 34 (2) Pp. 279.

Mohd.Azizuddin Mohd.Sani. 2002. *Hak asasi & hak Bersuara pandangan Islam dan Barat*. Kuala Lumpur: PTS Publication& Distributors.

Mohamad Fauzi & Azmi Aziz. 2003. *Globalisasi, Perubahan Sosial dan Pembangunan* Dlm. Lukman Z. Mohamad & Azmi Abdul Mahaf. *Globalisasi di Malaysia*. Selangor Darul Ehsan:Utusan Publication& Distributors Sdn Bhd.

Norraihan Zakaria, 2005. *Konsep Hak Asasi Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Pp.190

Neuman, Lawrence W.2006. *Social Research Methods*.2<sup>nd</sup> ed. Boston: Pearson. Pp. 151.

Rohana Yusof. 2004. Penyelidikan Sains Sosial. Bentong: PTS Publications & Distribution. Hlm. 209.

Rosazman Hussin & Dayang Suria Hj. Mulia. 2002. *Sosiologi Organisasi Kompleks*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.Hlm. 127.

Schmidt, Silke & Bullinger Monika.2007. *Cross-cultural quality of life assessment approaches and experiences from the health care field* Dlm. Gough, Ian & McGredor Allister J. (ed.) *Wellbeing in Developing Countries from Theory to Research*. New York: Cambridge University Press. Pp. 223.

Saliha Hassan. 2000. *NGO,Masyarakat civil dan Demokrasi* Dlm. Abdul Rahman Embong (ed.) *Negara Pasaran dan Pemodenan Malaysia*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 214-237.

Weiss, Meredith L, Saliha Hassan.2003. *The Malaysian human Rights movement* Dlm. Weiss, Meredith L and Saliha Hassan, *Social movement in Malaysia from moral communities to NGOs*. London and New York: Routledge/Curzon. Pp. 141-161

## Artikel

Anderson, Robert B, Dana, Leo Paul, Dana E, Theresa. 2006. Indigenous Land Rights, Entrepreneurship, and economic development in Canada: "opting-in" to the global economy. *Journal of world Business* 41: 45-55.

Agarwal, Bina. 2001. Participatory Exclusions, Community Forestry, and Gender: An Analysis for South Asia and a Conceptual Framework. *World Development* 29 (10): 1623-1644.

Doolittle, A. Amity. 2001. From Village Land to "Native Reserve": Changes in Property Rights in Sabah, Malaysia, 1950-1996. *Human Ecology*, 29,(1): 69-98. Pp. 75-77.

## **Buku Laporan**

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. 2003. *Laporan Tahunan 2003*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. 2005. *Laporan Tahunan 2005*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia. 2007. *Laporan Tahunan 2007*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia 2005. *Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat*. Kuala Lumpur: Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia.

## **Fail**

Fail kes Kg.Baluo Datong,Pitas.

## **Akta**

Undang-Undang Malaysia Akta 597.1999. Akta Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia 1999.

## **Terbitan Kerajaan**

Sabah Chapter 68. 1996. *Land Ordinance Sabah together with Subsidiary Legislation made there under*. Sabah: Sabah government.



## **Surat Khabar**

Daily Express. 2005. Marudu Resident want government to help get back land.07.04:4

Daily Express. 2005. Kinabatangan residents raise land issue at SUHAKAM dialogue 5.

07:3

Daily Express. 2006. Demarcation of NCR land in Sarawak vital: SUHAKAM. 10. 08:6

Daily Express. 2006. Rural folks should be given land: Pensiangan MP 5.07:3

Daily Express. 2007. Government to speed up land approval Musa. 22.03:1

Daily Express. 2007. Don't sell agriculture land, Nabawan folks told 14.01: 3

Daily Express. 2007. Beluran villages reminded not to sell of land 7.01:5

Daily Express. 2008. Suhakam to govt: We need some teeth 22.07.2008: 9

Daily Express, 2008. PKR set up panel to oversee use of land in Pitas 28.03: 3

Daily Express. 2008. Land grabbing in Sabah now at its worst: DAP. 27.02:3

Daily Express. 2008. Villagers oppose Marudu Project. 9 September : 3.

## **Laman Web**

[http:// www.suhakam.org.my](http://www.suhakam.org.my) diakses pada 21 Julai 2008.

[www. Pacostrust.org.com.my](http://www.pacostrust.org.com.my) diakses pada 30 Januari 2009.

[www.Safoda.com.my](http://www.Safoda.com.my) diakses pada 30 Januari 2009.

## **Temubual**

Bihahon Rumindod. 59 tahun. Pengerusi BBMTA. "Peranan BBMTA dan Isu tanah yang dihadapi". 31. 01.2009.

Jasmih Slamat. 45 tahun. Penolong Setiausaha 1 SUHAKAM Cawangan Sabah. "Kes Kg.Baluo Datong". 02.01. 2009.

Julin Rumanza. 41 tahun. Setiausaha BBMTA, "Proses penyelesaian isu tanah Kg.Baluo Datong".31.01.2009.

Kinsam Lijawan. 60 tahun. Penduduk Kg.Baluo Datong. "Pendapat mengenai isu tanah yang berlaku". 31.01.2009.

Pagayan Mesling. 61 tahun. JKKK Kg.Baluo Datong. " Kemudahan Kg. Baluo Datong". 30.01.2009

Ribbon Madoi. 42 tahun. Timbalan BBMTA. "Fungsi BBMTA" 31.01.2009.

Ros Mogonging. 40 tahun. Penduduk Kg.Baluo Datong. " Faktor perpindahan ke Kg.Baluo Datong". 30.01.2009.

Ribin Bugui. 60 tahun. Ketua Kampung. "Sejarah Kg.Baluo Datong". 30.01.2009

Simon Sipaun. 71 tahun. Penolong Pesuruhjaya SUHAKAM. "Peranan SUHAKAM ke atas hak tanah adat" 15.12.2008.